

13 FEB 2003

Mahathir-SAR

K'JAAN BUKAN NAK TUTUP SAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tujuan kerajaan memberhentikan bantuan kewangan kepada sekolah agama rakyat (SAR) bukan bertujuan untuk menutup sekolah seumpama itu.

Perdana Menteri berkata tindakan itu diambil kerana majoriti SAR tidak mengajar agama Islam sebaliknya mengajar ideologi politik membenci orang lain.

"Mereka boleh teruskan dengan sekolah agama rakyat. Yang perlu mereka buat ialah mereka daftarkan (SAR) mengikut undang-undang negara kita iaitu (mengikut) Akta Pendidikan.

"Kita tidak anggap sekolah agama rakyat ini sebagai sekolah agama, sebab itu kita berhentikan bantuan," katanya ketika menyampaikan Amanat Presiden kepada 5,000 anggota Umno dari seluruh negara di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata, masih terdapat pihak yang mengaitkan pemberhentian bantuan itu dengan penutupan SAR.

Beliau berkata sesi penerangan diadakan hari ini bagi menjelaskan keadaan sebenar mengenai keputusan kerajaan menghentikan bantuan berkenaan.

"Saya dapati bahawa apabila kita menghentikan bantuan kepada SAR banyak anggota dan pemimpin Umno yang tercengang dan tidak dapat memberikan penjelasan kenapa kita hentikan bantuan kepada SAR," katanya.

Dr Mahathir berkata kenyataan yang dibuat oleh pemimpin Umno, jawatankuasa perhubungan negeri dan bahagian adalah pendapat mereka sendiri kerana banyak tidak tahu atau tidak faham kenapa bantuan untuk SAR dihentikan.

Katanya beliau berharap dengan sesi penerangan itu, ia akan membolehkan anggota Umno faham mengenai tujuan sebenar kerajaan menghentikan bantuan itu.

Beliau berkata SAR ditubuhkan oleh pihak-pihak tertentu dan ia sepatutnya menjadi tanggungjawab mereka tetapi kerajaan sanggup menghulurkan bantuan kepada SAR sebelum ini.

"Tetapi akhir-akhir ini kita dapati ia bukan sekolah agama rakyat kerana yang diajar bukan pun agama Islam tetapi diajar kepercayaan yang bertentangan dengan agama Islam," katanya.

Beliau berkata hampir semua SAR mengajar murid supaya membenci orang lain walaupun sesama umat Islam.

"Sepatutnya mereka belajar agama Islam yang sebenar yang mahukan umatnya bersatu padu, berpengetahuan bukan sahaja dalam agama Islam tetapi perkara-perkara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya kerajaan terus memberikan bantuan kepada SAR, ini bererti kerajaan bersubahat mengembangkan pengetahuan bukan Islam di SAR.

"Jika mereka mengajar agama Islam yang sebenar, tidak mengajar benci-membenci, kita sanggup untuk memberikan bantuan," katanya.

-- BERNAMA

AT NJ MAM MAI